

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkd@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TH SUMBANG DUA BUAH KATIL ELEKTRIK KEPADА RUMAH EHSAN WARGA EMAS

KUALA KUBU BHARU, Selasa, 11 Julai 2017: Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyerikan Rumah Ehsan Warga Emas (REWS) dengan sumbangan dua buah katil elektrik hospital dengan bateri (sokongan) yang berjumlah **RM 8,904.00** di Kuala Kubu Bharu.

Mengambil keberkatan bulan Syawal pada tahun ini, sumbangan Program Alfiat **TH** ini diharapkan dapat memanfaatkan keseluruhan **116 orang** penghuni REWS yang terdiri daripada warga emas yang menghidap penyakit nyanyuk dan lumpuh. Sumbangan ini telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim, Pengerusi **TH**.

"Program Alfiat yang kita adakan hari ini adalah salah satu dari program Tanggungjawab Sosial Korporat **TH** (CSR **TH**) merupakan program bantuan kesihatan khusus untuk membantu meringankan tanggungan kewangan golongan asnaf yang menghadapi masalah kesihatan kritikal dan/atau memerlukan alat bantuan sokongan, anggota palsu, penglihatan, pendengaran dan sebagainya Program ini merupakan platform terbaik buat **TH** mendekati para penerima, selain mengeratkan lagi ikatan silaturrahim dengan komuniti setempat." kata YBhg. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim.

Sejak mula diperkenalkan pada tahun 2013 sehingga 2017, Program Alfiat **TH** telah menyumbang sebanyak **RM 1.7 juta** yang melibatkan sumbangan kepada **15 buah hospital** dan **beberapa rawatan penyakit/keadaan yang kritikal**. Selain daripada Program Alfiat, **TH** terus memperlihat keprihatinannya dengan penganjuran beberapa program lain seperti Program Baiti, Program Ehsan dan

Program Ziarah Kasih Ramadan anjuran Yayasan TH pada sepanjang bulan Ramadan sebagai sebahagian daripada Program Tanggungjawab Sosial Korporatnya. Program Ziarah Kasih Ramadan ini telah memanfaatkan lebih 100 ribu penerima di **76** kawasan di seluruh negara dengan keseluruhan sumbangan berjumlah **RM18 juta**. Program-program seumpama ini jelas memperlihatkan keprihatinan **TH** terhadap keperluan masyarakat setempat khususnya golongan asnaf.

Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Rosni Sohar, Ahli Lembaga Pengarah **TH**, Wakil-wakil Rumah Ehsan Warga Emas, anggota-anggota **TH** serta para penerima.

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 125 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditanian 03-6207 1919.

Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

Affan Aimaduddin Azami Eksekutif, Perhubungan Media Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan Tabung Haji 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my	Zuraini Khalil Pengurus Kanan Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan TH 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2129 Tel. Bimbit: 019 277 1775 Faks: 03 2164 0436 Emel: zuraini@lth.gov.my
--	--